

Rasuah: Seorang pegawai polis di Bintulu direman enam hari

BINTULU:Seorang pegawai polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bintulu direman enam hari bagi membantu siasatan berhubung menerima rasuah berjumlah RM18,600 sejak 2021 hingga 2024.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Galvin Loo Wei Ling selepas meneliti permohonan dikemukakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Bintulu, kelmarin.

Terdahulu, suspek berusia 41 tahun itu ditahan SPRM pada Isnin, sekitar jam 6.20 petang semasa hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Cawangan Bintulu.

Suspek ditahan reman

selama enam hari sehingga 4 Ogos ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber, suspek yang merupakan penjawat awam di sini disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM18,600 yang dibayar secara dalam talian melalui akaun beberapa individu sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas pengadu.

Permohonan reman dikeselidikan oleh Pegawai Penyiasat SPRM, manakala suspek diwakili seorang peguam.

DIREMAN: Pegawai SPRM mengiringi suspek masuk ke Mahkamah Majistret Bintulu, kelmarin.

